

# Jambatan Pulau Pinang sambut Jubli Perak

**PULAU PINANG** - Apabila ahli politik veteran Dr Lim Chong Eu (kini Tun) berkata sebuah jambatan perlu dibina bagi menghubungkan Pulau Pinang dan Butterworth di tanah besar pada 1950-an dan 60-an, banyak pihak yang meragui bahawa projek itu boleh dilaksanakan.

Mereka berpendapat projek raksasa seperti itu tidak mungkin menjadi kenyataan memandangkan belum ada mana-mana pihak yang mampu melaksanakannya di rantau ini.

Semasa beliau menjadi Ketua Menteri Pulau Pinang dari 1969 hingga 1990, Dr Lim terus menyimpan hasrat untuk menjadikan idea itu suatu kenyataan.

Akhirnya, pada 13 April 1985, sebuah jambatan sepanjang 13.5 kilometer dengan empat menara di bahagian tengahnya yang terletak 33 meter dari paras laut, siap dibina dalam tempoh empat tahun selepas Kerajaan Persekutuan menyalurkan peruntukan berjumlah RM850 juta bagi menjadikannya suatu kenyataan.

Pembinaan jambatan ini merupakan antara peristiwa penting dalam sejarah moden Pulau Pinang kerana sebelum itu, orang ramai hanya bergantung pada perkhidmatan feri untuk berulang-alik antara pulau berkenaan dan Butterworth.

Jambatan unik ini direka bentuk oleh anak jati Pulau Pinang iaitu mendiang Tan Sri Prof Ir Chin Fung Kee, pakar dalam bidang kejuruteraan geoteknikal dan bekas pemangku Naib Canselor Universiti Malaya.

Reka bentuk jambatan ini menggunakan kaedah gelegar konkrit dengan kabel penahan seperti yang terdapat pada San Francisco Golden Gate Bridge, bukannya kaedah tambatan keluli yang digunakan dalam pembinaan Sydney Harbour Bridge.

Jambatan Pulau Pinang, yang telah menampung perjalanan berjuta kenderaan dan penumpang sejak ia dibuka dengan rasminya kepada orang ramai pada 14 September 1985, menyambut ulang tahun kewujudannya pada tahun ini.

Sepanjang 25 tahun lepas, jambatan ini memberi sumbangan besar terhadap pembangunan Pulau Pinang sebagai pusat pelancongan dan industri, kata seorang jurucakap Penang Bridge Sdn Bhd (PPSB), pemegang konsesi jambatan itu yang bertanggungjawab bagi mengurus, mengendalikan, menaik taraf dan mengutip tol dari 15 Ogos 1993 hingga 31 Mei 2018.


Beliau berkata, berikutan pembukaan lorong ketiga jambatan ini mulai Ogos tahun lepas, Jambatan Pulau Pinang kini mampu menampung kegunaan 155,000 kenderaan setiap hari, berbanding 120,000 sebelumnya.

"Lorong baru ini dibina bagi memendekkan tempoh perjalanan pada waktu puncak daripada 20 minit kepada 11 minit," katanya sambil menambah bahawa keseluruhan jambatan ini mempunyai tiga lorong bagi setiap arah.

Lebar jambatan ini ditambah 4.8 meter bagi kedua-dua arah, di samping terdapat satu lorong motosikal selebar 2.0 meter.

## Jambatan kelima terbesar di dunia

Bagi memastikan pergerakan lancar lalu lintas, sebanyak 24 lorong tol disediakan, termasuk 10 bagi motosikal, yang merupakan kaedah pengangkutan paling popular di Pulau Pinang dengan anggaran kira-kira 30,000 kenderaan jenis itu melalui jambatan berkenaan setiap hari,



katanya.

Jurucakap itu berkata, sebagai ikon Pulau Pinang, jambatan terpanjang di Asia dan kelima terbesar di dunia ini, juga menjadi hos acara Larian Jambatan Pulau Pinang yang diadakan setiap tahun dan merupakan antara acara sukan paling popular sejak wujudnya jambatan berkenaan.

Daripada segi perspektif sejarah, idea pembinaan jambatan ini cetuskan oleh Perdana Menteri Kedua, Allahyarham Tun Abdul Razak dan beliau jugalah pemimpin yang memulakan proses pelaksanaannya pada awal 1970-an.

Pembinaan jambatan ini dirancang semasa pentadbiran Perdana Menteri Ketiga, Allahyarham Tun Hussein Onn pada akhir 1970-an. Pada 1982, Perdana Menteri Keempat, Tun Dr Mahathir Mohamad, secara rasmi menanem cerucuk pertama Jambatan Pulau Pinang

bagi menandakan bermulanya pembinaan projek bersejarah ini.

Pada 3 Ogos 1985, Dr Mahathir merasmikan pembukaan Jambatan Pulau Pinang apabila beliau menyeberanginya dengan memandu Proton Saga berwarna merah, yang dipasang dengan bendera

Malaysia.

Turut menaiki kereta nasional itu ialah isteri beliau Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali, yang duduk di kerusi penumpang depan, manakala Dr Lim, Menteri Kerja Raya ketika itu, Datuk Seri S Samy Vellu serta Pengerusi Proton ketika itu, Allahyarham Tan Sri Jamil Jan, duduk di kerusi belakang.

## Kemudahan canggih sepanjang jambatan

Daripada segi fakta kejuruteraan, jumlah cerucuk yang digunakan bagi membina jambatan ini adalah sepanjang 648 km, sama dengan jarak dari Butterworth ke Johor Bahru. Jambatan unik ini mampu menahan kesan gempa bumi berukuran hingga 7.5 pada skala Richter.

Daripada keseluruhan panjangnya 13.5 kilometer, 8.4 kilometer daripada jambatan ini berada di atas paras laut.

Bertepatan dengan moto Pulau Pinang, "Pulau Pinang Sentiasa Mendahului", pengendali plaza tol jambatan ini merupakan pengendali plaza tol pertama di negara ini yang memperoleh persijilan MS ISO 9002 dan yang pertama menyediakan

kemudahan bayaran tol melalui kaedah 'Contactless Smart Card'.

Jurucakap PBSB itu berkata, bagi memantau aliran lalu lintas dan keselamatan jambatan berkenaan, syarikat itu menubuhkan Pusat Komunikasi Jambatan Pulau Pinang (PBCC)

iaitu sebuah pusat pemantauan serba canggih, yang dilengkap sistem kamera litar tertutup (CCTV) sepanjang masa di 24 lokasi.

Katanya, Jambatan Pulau Pinang juga dilengkapi 12 telefon kecemasan (ET) bagi jarak setiap 1.2 km di kawasan hentian sebelah dan gerbang utamanya bagi membolehkan komunikasi dibuat antara kotak panggilan ET dan pusat kawalan di

PBCC. Selain itu, pengendali jambatan ini juga menyediakan perkhidmatan rondaan 24 jam bagi memberi bantuan kepada kenderaan yang mengalami masalah kecil dan perkhidmatan menunda kenderaan.

"Trak tunda ini diletakkan dalam keadaan bersiap sedia untuk memberi bantuan di kedua-dua arah laluan jambatan ini pada waktu puncak bagi membolehkan bantuan serta pengalihan kenderaan dapat diberi dengan segera," kata jurucakap itu.

Jambatan Pulau Pinang juga mengendalikan Sistem Pengurusan Maklumat Lalu Lintas Secara Dalam Talian (OTIM) bagi menyediakan maklumat tepat masa tentang keadaan lalu lintas di jambatan itu melalui perkhidmatan pesanan ringkas (SMS).

"Ya menyalurkan kepada orang ramai maklumat terkini tentang sesuatu keadaan dalam tempoh beberapa minit selepas sesuatu kejadian bagi membantu mereka merancang perjalanan masing-masing," katanya. - BERNAMA

